

[BIL. 78 MEI 2020](#)



Ramadan dalam PKP penuh hikmah

Ramadan adalah bulan yang sangat indah dan cukup istimewa di hati orang umat Islam. Inilah bulan penuh perjuangan dan berjihad dengan modul latihan yang terbaik bagi melahirkan generasi yang mempunyai jati diri yang kuat dalam kehidupan.

Namun bulan Ramadan yang disambut tahun ini agak berbeza berbanding tahun lalu yang dimeriahkan dengan pengimaran masjid dengan majlis-majlis ilmu. Ia berubah serta-merta kerana penularan wabak COVID-19.

Bagi mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Nazhif Mohd Azan, Ramadan kali ini dia jalankan bersama keluarganya apabila berpeluang menjalani ibadah berpuasa bersama keluarganya di Wakaf Baharu, Kelantan.

“Suasananya berbeza kerana sudah menjadi kebiasaan bagi keluarganya menyambut hari pertama Ramadan terdekat, namun pada kali ini kami hanya mampu menyambutnya dengan keluarga kecil kami sahaja. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan demi keselamatan negara,” kata Muhammad Nazhif.

Menurut Muhammad Nazhif, pertama kali di Kelantan, masjid-masjid menjadi sunyi pada bulan Ramadan. Amalan itu diadakan di rumah masing-masing bersama sekeluarga dan adik-beradik.

Begitu juga tiada bazar Ramadan seperti kelaziman yang menghadirkan pelbagai juadah dan menu istimewa. Meriah namun ia membawa seribu makna apabila dapat meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga.

Ujarnya, kelainan ini merupakan hikmah yang Allah SWT turunkan di antaranya diberikan peluang untuk memperbaiki diri menjadi lebih baik. Muhammad Nazhif bersyukur kerana dapat berpuasa bersama keluarga yang ramai lagi mahasiswa masih terkandas di universiti.

Begitu juga dengan Yasmin Izureen Ibrahim, beliau berkongsi kenangan seronok menjalani ibadah puasa di rumah berpeluang untuk membeli juadah berbuka di bazar Ramadan UMP yang dibuka di hadapan Kolej Kediaman 3.

Beliau yang berada di kampung bersyukur kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama menyambut Ramadan pada kali ini bersama keluarga tercinta.

Mengimbas kenangan semasa di kampus, pastinya berbuka puasa bersama rakan-amat amat dirindui. Apabila bazar Ramadan UMP terletak di hadapan Kolej Kediaman 3.

Tambahnya, walaupun Ramadan pada tahun ini disambut ketika negara masih ‘berperang’ dengan wabak COVID-19, sudut positif dan mengadaptasi norma baharu ketika di dalam bulan Ramadan tahun ini.

Sebagai contoh, jika sebelum ini solat tarawih diadakan di masjid dan surau, pada tahun ini kita masih boleh melakukannya di rumah.

Selain itu, disebabkan oleh ketiadaan bazar Ramadan pada tahun ini, kita boleh memasak di rumah dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Majlis-majlis ilmu juga masih dapat diadakan menggunakan platform media sosial sebagai contoh siaran langsung di Facebook dan Instagram.

Manakala bagi pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Muhammad Haziq Mohamad Nordin bersyukur kerana ketika PKP turut memberikannya pengalaman baharu berbanding sebelum ini.

Saban tahun pelajar tidak melepaskan mengekalkan tradisinya di bulan Ramadan dengan bergotong-royong berbuka puasa beramai-ramai dengan talempong di Masjid UMP Kampus Gambang dan UMP Pekan.

Namun, beliau tetap bersyukur kerana dikurniakan kesihatan yang baik dan lebuah menggembirakan mereka dalam keadaan sihat.

Ramadan kali ini juga sungguh istimewa kerana beliau apabila dapat mempelajari ilmu baharu, menjadi imam dan

Sebagai mematuhi peraturan kesihatan dan keselamatan terutamanya dalam menjaga jarak sosial akibat p aktiviti dijalankan di masjid.

Pihak Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) menganjurkan program secara atas talian me menampilkan program Ramadan *Challenge*, Da'I Interaktif *Challenge*, Qiam *On9 Challenge*, Jom Tany Nuzul Quran dan Siswi *Circle* bersesuaian dengan pelaksanaan PKP di negara kita.

“Kami ok, jangan risau” – pelajar UMP di Je

Pelajar Fakulti Pengurusan Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP), Batrisyia Elena Roslan, 22, yang sejak 10 September tahun lalu bersama 11 mahasiswa lain kini berada dalam keadaan selamat.

Beliau meminta keluarga dan rakan-rakan di Malaysia tidak risaukannya kerana keadaan di tempat tinggal

Negara Jerman masih mencatatkan kadar jangkitan wabak COVID-19 antara lima tangga tertinggi dunia se

Elena adalah antara 19 pelajar yang sedang mengikuti pengajian program dwijjazah hasil kerjasama UMP University of Applied Science (HsKA) dan Hochschule Reutlingen University.

Setelah dua tahun menuntut di UMP, kini Elena berada di Hochschule Reutlingen University selama dua ta Disember tahun depan.

Turut bersamanya termasuklah Abdufotikh Akhmedov, Syukri Aiman Abdul Rahman dan Darshinii Manikan

Menurut Elena, pengkuliahan di sini dilakukan secara atas talian pada waktu sekarang.

“Kami menggunakan platform seperti *Zoom*, *Microsoft Teams* dan juga *Webex*.

“Tarikh pengkuliahan secara fizikal masih dalam perbincangan pihak universiti dan kerajaan negeri Baden-

Beliau berkata, pada waktu permulaan pandemik, beliau menghadapi kesukaran untuk membeli roti.

“Namun barang keperluan asas masih mudah untuk didapati. Di sini tiada sekatan pergerakan (*lockdown*),

“Kedai kebanyakannya masih belum dibuka dan kedai makanan hanya dibenarkan untuk *take away* sahaja

“Kebajikan pelajar di sini turut dijaga baik oleh kedua-dua universiti. Mereka sentiasa bertanya khabar berit

Malah katanya lagi, mereka juga telah menerima pelitup muka dan makanan daripada UMP, antaranya ma

Pada waktu ini, beliau dan rakan-rakan memanfaatkan masa ini dengan mempelajari bahasa Jerman kha
peperiksaan *TestDaF* tahun ini serta melakukan senaman secara individu di dalam bilik.

Elena turut menasihatkan para pelajar sama ada di Malaysia atau pun yang menuntut di negara lain
Covid-19 yang melanda banyak negara.

“Sibukkan diri dengan perkara yang dapat memanfaatkan diri sendiri di samping mempertajamkan bakat ya

Beliau yang sentiasa berpandangan positif dan melihat situasi ini sebagai satu peluang di samping ber
urusan dan situasi ini akan berakhir secepatnya.

Beliau turut berkongsi pengalaman pertama berpuasa di perantauan dengan tempoh berpuasa yang panjang

Sementara itu, alumni UMP, Syakiela Ahmad, 24 yang berasal dari Kuala Lumpur telah menetap lebih tiga

Beliau yang telah mengikuti program dwijazah UMP-Reutlingen University itu ini sedang mengikuti pro
Stuttgart.

Di sini beliau perlu bekerja selama satu tahun untuk menimba pengalaman industri sebelum menyambung

Berdepan dengan situasi wabak Covid-19, menurutnya setakat ini masih terkawal, hanya dua orang maks
pasangan suami isteri atau pasangan rapat.

Ujarnya, di Stuttgart, aktiviti beriadah masih dibenarkan dengan syarat tiada perkhemahan.

“Namun, bercuti tidak dibenarkan malahan hanya perjalanan sehari tanpa hotel masih dibenarkan.

“Semua kedai masih dibuka dan tiada masalah mendapatkan bekalan asas namun tiada pusat membeli-be

“Selain itu, sempadan negara Jerman masih ditutup setakat ini untuk keluar negara.

“Kebanyakan pekerja diberi arahan untuk mengurangkan masa bekerja, iaitu standard adalah 35 jam se kepada 27 jam tanpa gaji,” katanya.

Beliau lega apabila program *pre-Master* tidak termasuk dalam peraturan ini,” katanya berkongsi pengalama

Akibat penularan wabak Covid-19, semua pekerja juga perlu melaksanakan *Home Office (Work from* sehingga bulan Mei depan berbanding sebelum ini beberapa syarikat melaksanakan *Home Office* pada set

Bagi mengisi aktivitinya, Syakiela masih boleh berbasikal ke tasik, taman dan *indoor gardening* mahupun b

Menjelang Ramadan ini beliau banyak memasak di rumah seperti rendang, kari, gulai, tomyam semuanya kebanyakan yang ada di sini hanya jenis salmon.

Berkongsi pengalaman di sini, menurutnya orang Jerman turut menyediakan makanan percuma buat gelan

Dalam pada itu, mereka juga mudah untuk mendapatkan rawatan atau perubatan memandangkan sistem akan nampak ramai berada dalam satu masa di mana-mana klinik.

Negara Jerman mengambil langkah kembali normal baru-baru ini dengan membenarkan kedai kecil di penutupan dalam tempoh sebulan, apabila negara itu mengisytiharkan COVID-19 ‘dalam kawalan’.

Selain itu melarang perhimpunan lebih dua orang dan syarat untuk berdiri lebih dari 1.5 meter daripada dilaksanakan.

Pasangan rusa peliharaan UMP lahir anak k

Pasangan rusa dikenali sebagai Pekan dan Chini yang dipelihara di Mini Deer Park di dalam kampus Univ melahirkan anak kedua pada 22 April 2020, tepat jam 7.00 pagi dengan berat 7kg selepas kelahiran anak p

Tiga tahun lalu, UMP telah menerima pasangan Rusa Bintik atau dikenali dengan nama Saintifik *Axis-A* Pantai Timur (ECER) sebagai usaha menjadikan universiti sebagai pusat pelancongan pendidikan (Edu-To

Projek ini merupakan salah satu daripada 30 komponen Strategi Pemantapan Serambi-Bandar Pekan-Kuala

Menurut Ketua Unit Kelestarian dan Penghijauan Kampus UMP, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Azlan, kehadiran pasangan rusa ini menjadi daya tarikan kepada pengunjung memandangkan ia terletak di laluan ke Kuala Pahang.

“Rusa merupakan haiwan ternakan yang mudah membiak dan kaedah menternak rusa bukanlah sesuatu yang mempunyai penjagaan yang rapi.

“Rusa ini kami hanya memberi makan tiga kali sehari. Makanan utama rusa ini adalah palet yang kaya dengan

“Selain itu, rusa tersebut turut diberi makanan dari sumber tumbuhan di dalam UMP seperti daun pokok Akasia

Kebiasaannya, ia memerlukan sekitar 10 hingga 15kg daun pokok Akasia dan rumput *Napier*.

Malahan di sekitar UMP Pekan terdapat lebih 2,000 pokok Akasia dan pada masa yang sama rumput *Napier* di UMP.

Dalam pada itu, kandang rusa dibersihkan seminggu sekali bagi menjamin keselesaan rusa-rusa ini di kandang.

Pihak universiti sedang dalam perancangan untuk meluaskan lagi kawasan ini selain menambah baik kandang.

Pihaknya mendapat kerjasama baik daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang yang diketuai oleh Pegawai Veterinar, Bahagian Kesihatan Veterinar bagi memantau anak serta ibu rusa dalam kandang.

UMP sentiasa menitik beratkan keseimbangan dalam teknologi bagi menjamin kehidupan flora dan fauna di kampus lestari.

Amalkan penjagaan diri dan kebersihan

Oleh: TS. DR. NORASHIKIN MAT ZAIN, FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA DAN PROSES

Sentiasa amalkan penjagaan diri dan kebersihan dalam kehidupan seharian memandangkan banyak perolehan bakteria atau virus yang boleh menjadi punca penyebab penyakit.

Bakteria atau virus boleh melekat di tangan ketika berjabat tangan, memegang pemegang pintu, paip, perk

Tangan boleh bertindak sebagai ejen pemindahan bakteria atau virus apabila menyentuh muka terutama m

Membasuh tangan merupakan salah satu langkah penting yang boleh kita ambil untuk mengelakkan penye

Tindakan mencuci tangan dengan sabun perlu dijadikan amalan seharian, bukan hanya untuk mencegah p

Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ts. D
membasuh tangan hendaklah dipraktikkan dalam kalangan semua peringkat umur.

“Kanak-kanak khususnya mudah terdedah pada penyakit berjangkit kerana mereka kurang berhati-hati ket
selepas menyentuh benda atau individu lain.

“Mereka juga perlu dididik mengenai kepentingan membasuh tangan dengan cara yang betul terutama
tandas.

“Sebagai ibu bapa kita juga perlu mempunyai kesedaran dalam menjaga kebersihan tangan dan berperana

“Amalan membasuh tangan dengan cara yang betul juga patut diteruskan contohnya di pusat jagaan kanak

Tambah beliau lagi, ini kerana kanak-kanak prasekolah mudah terdedah kepada penyakit yang mudah mer

“Ia juga perlu diterapkan di sekolah-sekolah bagi menjaga kesihatan pelajar. Begitu juga apabila berada
ibu digalakkan membasuh tangan selepas menukar lampin bayi.

“Tangan kita mungkin kelihatan bersih, tetapi ini tidak bermakna ia bebas dari mikro organisma berbahaya.

“Semua orang mengetahui membasuh tangan itu penting khususnya dalam menghalang penularan jangkitan

“Namun, sejauh mana kita mempraktikkan kaedah membasuh tangan yang betul? Membasuh tangan deng
menyingkirkan kotoran, bakteria atau virus daripada permukaan kulit.

“Tangan yang bersih dapat mengelakkan penyebaran mikroorganisma antara individu kepada individu yang

Menurut beliau, terdapat juga banyak produk pembersihan atau pencuci di pasaran dan kita perlu meng
dan fungsi yang berbeza serta bergantung kepada kesesuaian kulit pengguna.

Beliau yang mempunyai pengalaman dalam penyelidikan lebih sepuluh tahun di UMP turut berkongsi k
pencuci iaitu pencuci tangan anti mikrob, pembersih badan anti mikrob (*antimicrobial body wash*) dan sembr
di bawah jenama Aureiz keluaran Syarikat Medieva Sdn. Bhd. dengan pembiayaan geran Skim Usaha
bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Menurutnya, produk pencuci tangan yang dihasilkan ini menggunakan bahan anti mikrob yang selamat da
bakteria atau virus penyebab penyakit.

“Ia menggunakan formulasi lembut yang membersihkan kulit tanpa mengeringkan kulit. Pencuci tangan
yang menenangkan seperti lavender dan vanila.

“Manakala bagi pembersih badan ia terdapat dalam pelbagai pilihan aroma yang menenangkan seperti lav

“Terdapat perbezaan produk pembersih badan ini berbanding produk lain iaitu produk ini tidak mengar

laureth sulfate (SLES), paraben atau alkohol.

“*Natural surfactant* digunakan untuk penghasilan buih. Ia selamat untuk pengguna dan bahan-bahan yang digunakan. Bahan antimicrobial yang terdapat di dalam produk ini membantu membunuh kuman,” ujar beliau.

Bagi membantu membunuh bakteria di permukaan dan ruang, pihaknya menghasilkan semburan anti mikroba.

Ia terdiri daripada cairan yang mengandungi beberapa bahan anti mikrob bagi membasmi kuman.

Malahan cairan ini mengandungi ekstrak semula jadi bagi menggantikan penggunaan bahan kimia untuk membasmi kuman.

Semburan anti mikrob ini juga boleh digunakan untuk menyembur kawasan seperti di ruang tamu, bilik, kawasan tong sampah, di dalam kereta atau di mana-mana permukaan untuk tujuan pembersihan.

Semburan anti mikrob ini terdapat dalam dua pilihan bau yang menyegarkan iaitu lavender dan vanila.

Ketiga-tiga produk ini telah mendapat kelulusan notifikasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *Recognition Programme* untuk *Lab Tested* dari agensi Bioeconomy Corporation bagi mengesahkan kandungan bahan-bahan semulajadi.

Beliau menasihatkan orang ramai sentiasa menjaga kebersihan diri, keluarga dan persekitaran.

Bagi penjagaan diri amalkan tujuh langkah yang perlu diikuti untuk membasuh tangan dengan cara yang betul. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu membasuh tangan dengan sabun dan air yang bersih secukupnya, gosok celah-celah jari dan gosok kuku pada tapak tangan juga belakang tangan.

Setelah itu, bilas dengan air bersih yang mencukupi dengan sempurna dan keringkan tangan dengan tuala atau tisu. Jangan gunakan tangan untuk menyentuh permukaan lain.

Sambung Belajar Itu Mudah

Oleh: DR. HASNAH HUSSIN
e-mel: hasnah@ump.edu.my.

Tuntutlah ilmu walau sehingga ke negeri China. Itu adalah perumpamaan yang menunjukkan betapa penting ilmu. Menuntut ilmu itu tiada noktah, iaitu bukan tamat setelah anda menggenggam ijazah, tetapi ilmu perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia yang berjaya menyambung pengajian sehingga ke peringkat sarjana muda sama ada di dalam atau luar negara.

Berbeza dengan zaman 1980-an, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) mencari pekerjaan. Kini tidak lagi kerana memegang segulung ijazah sarjana muda belum boleh menjamin pekerjaan. Dewasa ini, seseorang itu perlu mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka mencari pekerjaan yang mencabar.

Isu yang mungkin bermain di fikiran generasi muda adalah menyambung pengajian itu sesuatu yang memerlukan perancangan, anda silap kerana dewasa ini jika anda kakitangan kerajaan, maka majikan akan menanggung segalanya. Jika anda juga majikan yang bukan badan kerajaan yang memberikan peluang kepada stafnya untuk menyambung pengajian, universiti juga turut menyediakan pelbagai kemudahan kewangan untuk membiayai pengajian anda. Jadi, menyambung pengajian itu bukanlah sesuatu yang sukar.

Perkara yang kedua perlu diberi perhatian adalah pengajian peringkat sarjana (*masters*) dan Doktor Falsafah (PhD) peringkat Sarjana Muda. Anda bayangkan semasa di peringkat sarjana muda anda perlu mengambil banyak kredit yang tertentu. Secara amnya, ia sangat mencabar minda, masa dan tenaga kerana anda harus menamatkan satu semester. Tetapi pada peringkat sarjana dan PhD anda hanya perlu menguasai beberapa subjek sahaja dan anda hanya tertumpu kepada satu isu dalam bidang yang anda minati. Jadi anda akan jadi seorang pakar dalam bidang itu lebih terfokus. Tidakkah ini akan memudahkan anda?

Bagi mereka yang telah melalui pengajian peringkat sarjana atau PhD, sudah pasti akan ada isu jangka masa panjang yang agak panjang mungkin dalam masa tiga tahun, empat tahun atau lima tahun. Ada juga sampai tujuh atau lapan tahun. Seseorang individu jangka masa ini sungguh menakutkan dan mematahkan semangat untuk mereka menamatkan pengajian. Kita dengar ada pelajar yang mampu menamatkan pengajian peringkat Sarjana atau PhD dalam masa tiga atau empat tahun memang wujud. Cuma kebanyakan kita sering ditakutkan dengan seseorang individu yang gagal tidak dapat menamatkan masa untuk tamat yang memakan masa sehingga lima hingga tujuh tahun. Dalam hal ini, kita perlu berfikir tentang individu itu mempunyai kebolehan, nasib dan rezeki yang berlainan. Isunya adalah kita mampu menamatkan pengajian jika kita mempunyai pelan pengajian yang teratur dan juga penyelia yang cekap menyelia pelajarannya.

Kepada bakal pelajar sarjana atau PhD sebenarnya ada jalan yang mudah untuk diikuti bagi memastikan pengajian dapat ditamatkan ataupun lebih awal dari itu. Berikut dikongsi di antara tips khusus untuk pelajar yang menamatkan pengajian. Antaranya ialah disiplin. Dalam hal ini, diri kita sendiri perlu mempunyai disiplin yang tinggi jika kita mahu menamatkan pengajian ini iaitu PhD. Jika kita tidak berdisiplin, maka pengajian kita akan terhenti di tengah jalan dan kita juga akan membuang masa pengajian. Disiplin sangat penting kerana tanpa disiplin yang ketat masa pengajian banyak terbuang begitu sahaja. Itu perlu membuat jadual aktiviti yang perlu dilakukan setiap hari. Dengan membuat jadual, seseorang pelajar dapat melakukan, di mana harus bermula, bilakah masa untuk mengumpul data, menganalisis data dan sebagainya. Jadi, sebagai pelajar perlu mempunyai jadual kerja yang khusus sebagai pelajar pasca siswazah yang bekerja dalam bidang yang telah ditentukan.

Selain dari itu, kita juga perlu mempunyai minat yang tinggi untuk menyambung pelajaran, jangan samalah dengan orang lain kerana melihat orang lain sambung belajar maka kita pun harus sambung belajar. Apabila seseorang itu mempunyai minat yang tinggi juga akan rajin berusaha dan tidak patah semangat. Dewasa ini ramai yang sambung belajar sebab desakan masyarakat yang ramai yang tidak mampu memikul tanggungjawab untuk menghabiskan pengajian.

Selain itu, peranan penyelia (*supervisor*) adalah sangat penting. Oleh itu, sebelum kita memilih untuk menamatkan pengajian itu adalah sangat penting. Seseorang pelajar sepatutnya terlebih dahulu membuat serba sedikit kajian tentang bidang yang dipilih dahulu latar belakangnya, terutamanya tentang pelajar di bawah seliaan beliau, adakah beliau menjalankan tugas dengan berdisiplin terhadap skop kerja beliau sebagai penyelia? Dalam hal ini, kesilapan memilih penyelia juga akan memberi kesan kepada anda.

pengajian seseorang pelajar.

Langkah seterusnya adalah seseorang pelajar itu perlu tahu apa yang hendak dibuat atau dikaji. Pengperatus penyelidikan sepenuh masa sesungguhnya memerlukan adanya satu panduan yang khusus kerana kandas di tengah jalan dan ada juga yang memakan masa sehingga lima tahun hingga sembilan tahun terdengar desas-desus orang bercakap PhD itu seumpama *Permanent Head Damage*. Menakutkan bukan dan lakukan adalah jangan buat kajian yang tidak pernah orang buat, jangan buat kajian seolah-olah kita tajuknya menarik tetapi kita sendiri tak tahu nak membuat, jangan buat tajuk yang menarik, tapi susah untuk jangan buat kajian yang kita sendiri tidak mampu untuk membuat kerana batasan waktu, tenaga dan wang

Pesanan penulis, buatlah kajian yang biasa-biasa saja, mudah untuk kita buat kajian, bahan semua ada, tahu proses untuk melakukannya. Kita mesti tahu setiap proses yang akan berlaku dalam kajian kita sehingga kita tajuknya ringkas dan padat, kita mudah menyiapkan dan mempunyai impak yang besar kepada masyarakat perlu pun menyambung pengajian di luar negara jika tidak mampu, kerana syarat asas untuk berjaya dalam

Marilah kita bersama menyahut seruan kerajaan bagi membentuk Malaysia negara maju dengan menjadikan tinggi bagi merealisasikan Revolusi Industri 4.0 tidak lama lagi.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid

noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah

mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin

naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyeniaran selagi tidak mengubah isi atau menggambarkan atau mencerminkan yang disiarkan tidak boleh diterbitkan

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi dikembalikan. Sumbangan karya boleh diterbitkan di:

EDITOR

Unit Penerbitan Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

• 86 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

